

28 SEP 1998

UMNO-Bagan

UMNO BAGAN DESAK KETUA BAHAGIAN, PEMUDA DAN WANITA BERUNDUR

PULAU PINANG, 28 Sept (Bernama) -- Sekumpulan 18 cawangan Umno dalam Bahagian Bagan di Butterworth hari ini mendesak Ketua Bahagian, Datuk Abdul Latiff Mirasa mengundurkan diri secara terhormat sebagai membantah tindakannya menyokong gerakan reformasi anjuran Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kumpulan itu, yang diketuai Ketua Cawangan Sungai Nyior, Dr Rozi Yusof turut mendesak Ketua Pergerakan Pemuda bahagian, Norhaidi Che Dan dan Ketua Wanita bahagian, Juma Bee Mohamed meletakkan jawatan masing-masing.

Menurut memorandum yang dikeluarkan hari ini oleh kumpulan itu anggota Umno Bahagian Bagan hilang kepercayaan terhadap pucuk pimpinan bahagian itu berikutan ketiadaan tindakan daripada ketiga-tiga pemimpin berkenaan memberikan penerangan dan sokongan terhadap pemecatan Anwar dari Umno dan kerajaan.

Kumpulan berkenaan juga menyatakan sokongan terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden parti dan menyokong tindakan anggota Majlis Tertinggi (MT) memecat Anwar dari parti itu.

Dr Rozi juga menyeru anggota Umno bahagian itu supaya bersatu demi kepentingan parti dan memorandum yang mengandungi enam resolusi itu akan dihantar kepada Perdana Menteri dan Badan Perhubungan Umno Negeri esok.

Memorandum ini dibuat sebagai membantah pendirian Bahagian Bagan yang diumumkan Latiff pada 7 Sept lepas bahawa ia menyokong Perdana Menteri tetapi pada masa yang sama merayu supaya Anwar diterima semula oleh Umno.

Menurut kumpulan itu, keputusan berkenaan bukan menggambarkan pendirian semua anggota di bahagian itu dan bertentangan dengan fasal 5, 8 dan 18 Perlembagaan Umno mengenai tanggungjawab dan hak anggota, tanggungjawab MT dan soal disiplin.

-- BERNAMA

ZU WAT